

13 NOV 1997

Ong-Ugut

KEMENTERIAN DALAM NEGERI MINTA KEDUTAAN AMERIKA BUAT LAPORAN RASMI

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri hari ini meminta kedutaan Amerika Syarikat di sini supaya membuat laporan rasmi kepada pihak berkuasa berhubung dakwaan bahawa ia telah menerima panggilan telefon berbentuk ugutan untuk membunuh empat rakyat Amerika di negara ini.

Ketika membuat permintaan itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting juga memberi amaran kepada mana-mana individu atau pihak supaya jangan sekali-kali cuba bertindak sesuka hati kerana Malaysia tidak akan membenarkan sesiapaupun yang berbuat demikian terlepas daripada hukuman.

"Setakat ini kerajaan kita belum mendapat laporan polis yang rasmi (daripada kedutaan Amerika berhubung panggilan itu). Bagaimanapun kementerian menasihatkan sekiranya ada kegiatan seperti itu silalah buat laporan secara rasmi.

"Kita jamin polis akan menyiasat, mengambil tindakan yang tegas dan memastikan sesiapaupun kalau nak cuba memudaratkan ketenteraman ataupun menjejaskan keselamatan tidak akan berjaya. Itu satu jaminan yang dapat saya beri bagi pihak Kementerian Dalam Negeri," katanya pada persidangan berita di ruang legar bangunan Parlimen di sini.

Kenyataan yang dikeluarkan kedutaan Amerika di sini menyebut bahawa panggilan ugutan untuk membunuh rakyatnya merupakan satu daripada dua panggilan telefon yang membuat ancaman terhadap rakyat Amerika di negara ini yang diterima kedutaan itu pagi ini.

"Kami tidak dapat memastikan sejauh mana kredibiliti ugutan itu," menurut kedutaan itu dalam kenyataan yang bertajuk: Notis Penting Untuk Masyarakat Amerika Di Malaysia.

Ong berkata kedutaan Amerika tidak perlu menimbulkan suasana gempar dengan panggilan itu kerana kesahihannya masih belum dapat dipastikan.

"Kesahihan panggilan itu kita kena siasat terlebih dahulu sama ada mereka benar-benar penjenayah atau hanya untuk menakut-nakutkan pihak yang berkenaan," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata polis sudah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menghubungi pihak-pihak berkenaan di kedutaan itu.

Polis akan menyiasat dan juga kita akan tengok keadaan di mana yang perlu kita beri perkhidmatan daripada segi keselamatan yang secukupnya... Polis akan buat keputusan, katanya ketika ditanya sama ada polis akan menyiasat walaupun jika tiada laporan rasmi daripada kedutaan Amerika.

Katanya sebagai sebuah negara yang sentiasa mematuhi undang-undang, pihak penguatkuasa di Malaysia pada bila-bila masa sahaja bersedia memastikan keselamatan setiap penduduk tanpa mengira sama ada mereka rakyat negara ini, pelawat ataupun warganegara asing yang bertugas di sini.

Ong juga ditanya sama ada kemungkinan panggilan itu dilakukan oleh golongan yang cuba mengambil kesempatan ketika Malaysia menghadapi dua isu berkaitan dengan Amerika. Beliau menjawab: "Kerajaan tidak akan bersetuju dengan sesiapaupun atau mana-mana pihak yang cuba bertindak sesuka hati."

"Sesiapaupun yang mahu melakukan sesuatu, haruslah sah di sisi undang-undang. Kita tidak akan membenarkan sesiapaupun melakukan sesuatu yang melanggar undang-undang negara. Itu prinsip kita," katanya.

Dua isu berkaitan Amerika ketika ini ialah percubaan negara itu menghantar pegawai untuk menyoalsiasat syarikat gergasi minyak Malaysia, Petronas, berhubung pelaburannya di Iran dan resolusi di Kongres Amerika yang mendapat sokongan 27 anggota kongres, meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir memohon maaf ataupun meletakkan jawatan kerana kononnya

mendakwa ada konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Ong berkata rekod telah membuktikan Malaysia merupakan sebuah negara yang aman, stabil dan rakyatnya tidak suka melihat berlaku kekacauan. -- Bernama.

AH RON